



PERUTUSAN  
YANG BERHORMAT  
MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

SEMPENA SAMBUTAN HARI SUKARELAWAN  
ANTARABANGSA 2024

Bismillahirrahmannirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama menyambut Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024. Sukarelawan adalah denyutan nadi kemajuan yang menunjukkan dimana tindakan kebaikan kecil boleh membawa kepada perubahan yang besar. Pada Hari Sukarelawan Antarabangsa ini marilah kita raikan semangat luar biasa mereka yang telah mendedikasikan masa dan tenaga untuk meningkatkan kemajuan komuniti.
2. Pada tahun ini penumpuan diberikan kepada pelbagai usaha ke arah mencapai Inisiatif Pembangunan Mampan. Ini amat bertepatan dengan matlamat kita dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam memperkukuhkan masyarakat yang inklusif, harmoni, dan lestari.
3. Fokus tahun ini mengingatkan kita bahawa sukarelawan adalah agen perubahan, yang memainkan peranan penting dalam sama-sama mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Di era yang penuh dengan cabaran baik diperingkat nasional, serantau dan global seperti perubahan iklim, ketidaksamaan sosial dan kemiskinan, sukarelawan menjadi pemangkin kepada solusi kreatif dan praktikal dalam masyarakat.
4. Sukarelawan bukan sahaja bertindak sebagai penyokong masyarakat tetapi juga sebagai rakan strategik dalam usaha kerajaan untuk memastikan pembangunan negara yang inklusif. Mereka membantu dalam memperkukuhkan hubungan sosial, memperbaiki taraf hidup komuniti, memacu perubahan positif dan menggerakkan usaha bersama ke arah kemampanan jangka panjang. Di peringkat kebangsaan, saya berasa amat bangga dengan penglibatan aktif para sukarelawan belia kita melalui platform seperti Aplikasi Mengalinga dan inisiatif lain di bawah Agensi-Agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan ( NGO's) dan pihak swasta.
5. Kerjasama antara generasi dalam bidang sukarelawan tidak kurang pentingnya dalam membina komuniti yang harmoni dan berdaya tahan. Setiap generasi membawa perspektif, pengalaman dan tenaga yang unik, yang apabila digabungkan, mampu menghasilkan impak yang lebih besar kepada masyarakat. Golongan muda dengan semangat dan kreativiti mereka dapat belajar dari

pengalaman generasi yang lebih tua, manakala generasi berpengalaman boleh mendapat inspirasi daripada pendekatan baharu yang dibawa oleh belia.

6. Sayugia, dalam kita menyambut Hari Sukarelawan Antarabangsa ini, saya ingin menyeru agar lebih ramai akan melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan.
  - a. Kepada Belia: Gunakanlah tenaga, kreativiti dan inovasi anda untuk menskalakan projek sukarelawan yang ada pada masa ini disamping mempelopori inisiatif baharu yang mampu memberikan impak besar kepada masyarakat.
  - b. Kepada Organisasi: Galakkan dan sokonglah budaya sukarelawan di tempat kerja, komuniti dan institusi anda.
  - c. Kepada Semua Pihak: Marilah kita terus mendorong interaksi dan menyokong kerjasama antara generasi serta pelbagai bangsa dalam semua jenis aktiviti sukarelawan, sama ada melalui penyertaan, latihan dan bimbingan.
7. Saya juga berharap agar usaha berkebjajian ini bukan sahaja terus berkembang di peringkat kebangsaan tetapi turut merentasi peringkat serantau dan global. Hubungan kerjasama antara negara-negara ASEAN perlu diperkukuhkan melalui platform seperti Pertukaran Sukarelawan Belia ASEAN, yang akan membolehkan kita berkongsi amalan terbaik dan menangani cabaran bersama.
8. Akhir kata, marilah kita menghayati Hari Sukarelawan Antarabangsa tahun ini dengan semangat keikhlasan dan pengorbanan. Semoga usaha kita dalam memartabatkan budaya sukarelawan akan terus diberkati dan menjadi satu legasi berharga kepada generasi akan datang.
9. Sekali lagi, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua sukarelawan atas usaha mereka yang tidak ternilai.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.